



Publication	Harian Metro	Section/Page No.	Setempat,64
Date	Sabtu, 19 Julai 2014	Lead Article	
Headline	Mahu Beraya Bersama Mama		

Mahu beraya bersama mama

Petaling Jaya: "Setiap hari saya berdoa, permintaan berhari raya dengan mama tercapai tahun ini kerana sudah empat tahun kami tidak berkumpul dan merasa suasana berhari raya seperti orang lain," kata Siti Norfatiha Md Rashadulan, 15, di sini, semalam.

Siti Norfatiha bersama dua adiknya Mohd Aizat dan Mohd Roy masing-masing berusia 6 dan 10 tahun menjadi penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Al-Nasuha (Rumah Al-Nasuha), Pinggiran Batu Caves, Gombak sejak empat tahun lalu.

Menurut remaja itu, mereka tiga beradik dimasukkan ke rumah berkenaan selepas bapa mereka meninggal dunia enam tahun lalu akibat barah otak.

"Selepas ayah meninggal, ibu menyara kami, namun dua tahun selepas itu kami dihantar ke rumah ini dan berpisah dengan ibu.

"Sejak itu, ibu hilang dan tidak pernah menjenguk kami," katanya ketika ditemui selepas program beli-belah kelengkapan Aidilfitri anjuran Takaful Malaysia Berhad (Ta-



MOHAMED Hassan membantu anak yatim memilih baju raya.

kaful Malaysia) di AEON One Utama, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia Datuk Mohamed Hassan Kamil.

Pada majlis itu, Takaful Malaysia menyerahkan sumbangan kepada rumah kebajikan itu RM26,000 meliputi perbelanjaan kelengkapan Aidilfitri dan duit raya kepada 64 penghuni serta keperluan rumah berkenaan.